

PENGGUNAAN “SET LOMPAT” DALAM MEMBANTU MENJARAKKAN TULISAN MURID PEMULIHAN TAHUN 2

Oleh

Maria Macdalim Anak Nyokien
Mardlyn_mmc@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran saya dalam membantu murid pemulihan menulis dari aspek menjarakkan tulisan melalui penggunaan “Set Lompat”. Kajian ini melibatkan dua orang peserta kajian bernama Ninil dan Hihil dari kelas Pemulihan Khas Bahasa Melayu di Sekolah Kebangsaan J, Kuching. Hasil pemerhatian terhadap penulisan dalam lembaran kerja serta cara Ninil dan Hihil menulis, didapati bahawa mereka mengalami masalah dalam menjarakkan tulisan. Latihan menulis secara bimbingan individu diberikan kepada Ninil dan Hihil untuk melihat perkembangan jarak tulisan mereka dengan menggunakan “Set Lompat”. Kaedah yang digunakan bagi pengumpulan data dalam kajian ini ialah pemerhatian, analisis dokumen dan perbualan. “Set Lompat” yang digunakan didapati dapat membantu dua orang peserta kajian ini menulis dengan jarak yang bersesuaian selain menambah baik amalan saya.

Kata kunci: “Set Lompat”, menjarakkan tulisan , cara menulis, program pemulihan khas, jari, pensel

ABSTRACT

The reason for this research to be conducted is to improve my method of teaching in helping remediated student to write. This is done by using “Set Lompat” method which is by creating a small spacing between the words. This research involves two participant named Ninil and Hihil from a remedial class for Bahasa Melayu in Sekolah Kebangsaan J, Kuching. The outcome of the observation from the writing skill in completing a worksheet and ways of Ninil and Hihil write shows that both of them have problem in using spacing between the words. Nurtured writing skill was given individually to Ninil and Hihil to observe the development of their writing skill by using “Set Lompat”. Method used for collecting the data is observation, document analysis and discussion. “Set Lompat” method has shown a significant effect in helping both the participant in their writing skill basically in creating spacing between words and at the same time improves my teaching method.

Key words: “Set Lompat”, creating spacing between words, writing skills, remedial education programme, finger, pencil

PENGENALAN

Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran

Saya merupakan seorang guru pelatih program PISMP Pemulihan ambilan Januari 2009 Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Kuching. Sepanjang tempoh saya bergelar guru pelatih, saya telah menjalani 3 kali praktikum. Fasa pertama praktikum saya jalankan di Sekolah Kebangsaan R, fasa kedua di Sekolah Kebangsaan H dan praktikum fasa tiga di Sekolah Kebangsaan J.

Sekolah Kebangsaan J merupakan sebuah sekolah yang terletak berhampiran dengan kawasan perkampungan dan kawasan perkilangan. Murid-murid di sekolah ini juga datang dari kawasan perumahan yang berhampiran. Ibu bapa murid sekolah ini kebanyakannya terdiri daripada pelbagai latar belakang pekerjaan dan tahap pendidikan. Namun begitu, hampir 60% ibu bapa murid di sekolah ini adalah pekerja kilang berdekatan.


Bangunan sekolah ini amat unik bagi saya kerana berbentuk bulat. Bangunan sekolah yang unik ini deliengkapi dengan pelbagai kemudahan pembelajaran seperti bilik darjah, makmal komputer, makmal sains, bilik muzik, perpustakaan, padang permainan, gelanggang permainan, surau, bilik kelas pemulihan khas, bilik kelas Pendidikan khas masalah pembelajaran dan kantin sekolah. Kemudahan yang lengkap ini banyak membantu dalam memudahkan guru untuk melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Fokus Kajian

Sepanjang tempoh praktikum fasa tiga, saya telah diamanahkan untuk mengajar matapelajaran Bahasa Melayu dan Matematik dalam keas Pemulihan Khas dan matapelajaran Matematik untuk kelas Tahun 4 dalam aliran perdana. Selain mengajar, saya juga bertanggungjawab untuk melaksanakan satu penyelidikan tindakan bagi kursus major.


Sepanjang tempoh 6 bulan praktikum ini, saya mendapati masalah yang sering kali dihadapi oleh murid pemulihan adalah masalah tulisan. Oleh itu, semasa menjalankan praktikum fasa tiga saya telah mengambil keputusan untuk melaksanakan satu penyelidikan tindakan berkenaan masalah jarak tulisan yang dialami oleh murid saya.

Rajah 1 dibawah menunjukkan murid menulis namanya tanpa jarak. Keadaan ini akan memberi persepsi bahawa nama murid tersebut adalah satu perkataan sahaja sedangkan sebetulnya adalah dua perkataan yang terpisah.




Rajah 1: Cara murid menulis nama

Rajah 2 di bawah menunjukkan masalah tulisan yang dialami oleh Hihil semasa membuat latihan menyalin ayat pendek. Dalam latihan yang diberikan, murid dikehendaki meyalin jawapan yang terdapat dalam teks pendek yang disediakan. Walaupun hanya sekadar latihan menyalin, murid tidak dapat meniru dengan baik jarak antara perkataan dalam ssesbuah ayat.



Rajah 2: Hasil tulisan Hihil

Rajah 3 di bawah menunjukkan hasil penulisan Ninil semasa tinjauan awal yang saya jalankan. Dalam latihan ini, murid dikehendaki menyalin ayat pendek yang terdapat dalam lembaran kerja. Hasilnya, murid tidak dapat menjarakkan tulisan sebagaimana yang terdapat di dalam teks pendek yang terdapat pada lembaran kerja yang diberikan.



Rajah 3: Hasil tulisan Ninil

Objektif Kajian

Hasil daripada permasalahan yang diutarakan dalam fokus kajian saya, penyelidikan tindakan yang saya jalankan ini bertujuan untuk:

- i. Menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran saya dalam membantu murid saya menjarakkan tulisan menggunakan “Set Lompat”.
- ii. Melihat keberkesanan penggunaan “Set Lompat” dalam menjarakkan tulisan dalam kalangan murid Tahun 2 kelas pemulihan.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berikut.

- i. Bagaimana “Set Lompat” dapat membantu menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran saya dalam membantu murid pemulihan Tahun 2 membaiki tulisan mereka.
- ii. Sejauh mana “Set Lompat” boleh membantu murid pemulihan Tahun 2 dalam memperbaiki tulisan mereka.

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

Perancangan Tindakan

Setelah melihat kepada permasalahan tulisan yang dialami oleh Ninil dan Hihil, saya telah merancang satu kaedah yang dikenali sebagai “Set Lompat”. Pembinaan “Set lompat ini adalah inspirasi daripada kajian yang telah dilakukan oleh *Yusof Bin Hj. Malie & Walter Alvin Jiniti (2010)*, dalam kajian mereka yang bertajuk Disgrafia dan cara membantu: Kajian kes ke atas murid Program Integrasi Pendidikan Khas saya telah terfikir untuk melaksanakan kajian terhadap keberkesanan penggunaan “Set Lompat” dalam menjarakkan tulisan dua orang peserta kajian saya.

“Set Lompat” merupakan satu kaedah yang digunakan saya dalam melaksanakan penyelidikan tindakan ini. penggunaan “Set Lompat” memerlukan peserta kajian saya untuk meyebut perkataan “lompat” di setiap hujung perkataan yang ditulis. Rasioanalnya adalah untuk mengingatkan diri peserta kajian apakah tindakan yang harus dilakukan untuk menjarakkan tulisan mereka. Seterusnya, peserta kajian dikehendaki untuk meletakkan jari di hunjung perkataan yang ditulis sebagai sempadan atau jarak yang perlu dilangkau sebelum memulakan penulisan perkataan yang seterusnya. Tindakan yang diambil adalah dengan melompat jari atau pensel yang telah diletakkan pada penghujung perkataan tersebut. Latihan ini akan memberi pengalaman sendiri kepada peserta kajian saya untuk melihat jarak yang sesuai antara perkataan dalam ayat yang ditulis. Penggunaan “Set Lopat” akan sayua aplikasikan kepada Ninil dan Hihil semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung di dalam bilik darjah.


Pelaksanaan Tindakan

Sebagai pengenalan kepada “Set Lompat”, saya telah meminta murid untuk menunjukkan jari telunjuk mereka ke udara semasa set induksi berlangsung. Jari telunjuk yang ditunjukkan adalah jari yang tidak digunakan semasa menulis. Rasionalnya adalah supaya murid tahu jari mana yang akan digunakan sebagai sempadan tulisan mereka semasa menulis.

Seterusnya, untuk memahamkan konsep lompat atau jarak dalam tulisan, saya telah meminta murid untuk melakukan lompatan sambil menyebut perkataan “lompat”. Rasio aktiviti ini adalah supaya murid faham apa tindakan yang harus diambil apabila menyebut “lompat” pada setiap hujung perkataan yang ditulis. Kaedah audio-kinestetik telah saya aplikasikan dalam perlaksanaan “Set Lompat” ini bagi mengukuhkan lagi kefahaman konsep murid terhadap maksud lompat atau jarak. Dalam gaya pembelajaran “auditori” murid belajar dengan mendengar perkataan yang disebut dan juga arahan lisan. Dalam gaya pembelajaran, “kinestetik” murid belajar dengan baik melalui pengalaman dan mengambil bahagian secara fizikal dalam aktiviti bilik darjah. Mereka dapat mengingati sesuatu dengan baik apabila mencuba terus aktiviti melalui hands-on (Murdoch Teacher Center, 1984).

Dalam perlaksanaan kajian ini , saya telah meminta murid untuk meletakkan jari pada penghujung setiap perkataan yang ditulisnya. Jari yang diletakkan berfungsi sebagai sempadan untuk membimbing murid supaya dapat mengagak jarak yang bersesuaian digunakan dalam penulisan. Latihan menulis telah diberikan keopada murid pada setiap kali sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Latihan yang diuberikan merangkumi latihan menyalin ayat pendek, menyalin teks pendek dan menjawab soalan pendek yang jawapannya dapat diperoleh dari teks yang disediakan. Latihan menulis diperbanyakkan supaya peserta kajian dapat membiasakan diri untuk menjarakkan tulisannya.

Rajah 4 di bawah menunjukkan peserta kajian saya menggunakan kaedah “Set Lompat” semasa aktiviti menulis dilaksanakan . murid meletakkan jari pada penghujung perkataan yang ditulis. Jari dijadikan sebagai sempadan antara perkataan bagi membantu murid mengagak jarak yang bersesuaian antara perkataan dalam sesebuah penulisan.



Rajah 4: Murid menggunakan “Set Lompat” dalam penulisan

Penggunaan jari digunakan atas pertimbangan kesesuaianya dengan peserta kajian saya. Hihil dan Ninil selesa menggunakan jari sebagai sempadan tulisan mereka. Penggunaan jari juga tidak memerlukan sebarang kos dan sentiasa ada

bersama walau dalam apa keadaan sekalipun. Penggunaan jari juga mudah digunakan kerana melibatkan murid secara keseluruhannya.

METODOLOGI

Peserta Kajian

Penyelidikan tindakan yang saya jalankan ini melibatkan tiga orang peserta kajian yang terdiri daripada saya sendiri selaku penyelidik dan dua orang murid dari kelas pemulihan khas Bahasa Melayu Tahun 2 Sekolah Kebangsaan J, Kuching. Dua orang peserta kajian saya iaitu Ninil dan Hihil (bukan nama sebenar) mempunyai masalah dalam menjarakkan tulisan mereka.

Ninil merupakan seorang yang paling kecil di dalam kelasnya. Ninil seringkali diberi gelaran Baby oleh guru-guru. Hasil perbualan bersama guru kelasnya, Ninil merupakan anak kepada seorang pekerja kontrak. Ibunya seorang suri rumah. Ninil berpewatakan manja dan agak pemalu, sentiasa kelihatan bersih dan kemas.

Etika Penyelidikan

sebelum saya memulakan pemnyelidikan, saya terlebih dahulu meminta kebenaran daripada pihak pentadbir sekolah. Pihak institut juga telah menghantar surat kepada pihak Sekolah Kebangsaan J untuk memohon kebenaran melaksanakan penyelidikan secara formal sepanjang tempoh saya menjalani praktikum di sekolah ini. Pihak sekolah telah memberikan kebenaran kepada saya untuk melaksanakan penyelidikan saya. Saya juga telah mengambil tindakan dengan memberikan surat memohon kebenaran daripada ibu bapa peserta kajian saya untuk membenarkan anak mereka menjadi peserta kajian saya.


Setelah mendapat kebenaran daripada ibu bapa secara bertulis, saya telah menerangkan secara lisan kepada peserta kajian saya bahawa mereka telah terpilih untuk mengikuti kajian saya secara langsung. Saya turut memeklumkan bahawa tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengatasi masalah tulisan mereka. Saya juga menerangkan bahawa penyelidikan ini akan dilaksanakan secara langsung sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung di dalam bilik darjah.

Teknik Mengumpul Data


Dalam penyelidikan tindakan yang saya jalankan ini saya telah menggunakan teknik pemerhatian, catatan nota lapangan dan perbualan.

Pemerhatian telah saya lakukan terhadap cara penulisan peserta kajian, posisi tubuh peserta kajian semasa menulis dan lembaran kerja serta maklumat-maklumat yang berkaitan dengan peserta kajian saya yang diperlukan dalam kajian ini.

Pemerhatian terhadap lembaran kerja murid saya fokuskan kepada jarak antara perkataan yang ditulis dalam sesebuah ayat.



Rajah 4: Hasil tulisan Hihil



Rajah 5: Hasil tulisan Ninil

Hasil daripada pemerhatian yang saya lakukan telah saya catatkan dalam nota lapangan. Nota lapangan digunakan kerana pemerhatian yang dilakukan adalah pemerhatian tidak berstruktur. Rajah 6 di bawah merupakan contoh nota lapangan yang telah saya catatkan selepas membuat pemerhatian terhadap kedua-dua orang peserta kajian saya.

Tarikh: 15 Julai 2012

Hari: Selasa

Catatan:

- Hihil menulis secara kidal dan seringkali meletakkan kepalanya di atas meja semasa menulis.
- Hihil menulis sgak lambat.
- Ninil duduk dalam keadaan yang kurang selesa kerana saiz tubuhnya yang kecil menyebabkan ketinggian meja tidak bersesuaian dengannya.

Rajah 6: Catatan nota lapangan

Selain itu, saya juga menggunakan teknik perbualan bersama guru pembimbing, rakan praktikum dan peserta kajian saya. Berikut merupakan transkrip perbualan yang berlangsung bersama mereka.

Saya: Pada pendapat cikgu, adakah "Set Lompat" ini sesuai digunakan dalam membantu murid menulis dengan lebih baik?
Cikgu: Ya. Pada pendapat saya "Set Lompat" ini sangat membantu.

Transkrip perbualan bersama guru pembimbing.

Saya: Pada pandangan anda adakah kaedah ini sesuai digunakan untuk membaiki masalah jarak tulisan murid?
Cikgu: Ya. Pada pendapat saya kaedah ini sangat sesuai digunakan.

Transkrip perbualan bersama rakan praktikum

Saya: Adakah kamu selesa menggunakan "Set Lompat"?
Murid: Ya. Selesa
Saya: adakah kamu faham bagaimana menggunakan "Set Lompat" semasa menulis.
Murid: Ya. Saya faham.

Transkrip perbualan bersama peserta kajian


Rajah 6: Transkrip perbualan

Teknik Menganalisis Data

Analisis data telah saya lakukan dengan menggunakan kaedah pemerhatian, perbualan serta catatan nota lapangan.

Saya telah membuat pemerhatian terhadap lembaran kerja murid. Pemerhatian saya berfokus terhadap jarak tulisan yang dihasilkan oleh murid sepanjang penggunaan "Set Lompat" ini. Melalui pemerhatian yang telah dijalankan, saya mendapati murid berjaya menjarakkan tulisannya dengan menggunakan "set Lompat" ini. Jarak antara perkataan yang ditulis juga konsisten dan murid dapat menghasilkan tulisan yang lebih baik berbanding sebelum perlaksanaan "Set Lompat" ini.

Rajah 7 di bawah menunjukkan perubahan positif yang ditunjukkan oleh peserta kajian dalam penulisannya selepas mengaplikasikan kaedah " Set Lompat" dalam penulisannya.



Rajah 7: Analisis pemerhatian

Teknik perbualan juga telah saya jalankan bersama guru pembimbing, peserta kajian dan rakan praktikum saya.

Teknik Menyemak Data

Data telah saya perolehi dan analisis telah saya semak dengan menggunakan dua kaedah iaitu kaedah triangulasi sumber dan triangulasi kaedah.

Kaedah triangulasi sumber telah saya lakukan bersama rakan praktikum, guru pembimbing dan peserta kajian saya. Perbualan secara tidak berstruktur telah saya jalankan untuk mendapatkan maklum balas mengenai kebebasan penggunaan "Set Lopat" dalam membaiki tulisan peserta kajian saya.

Rajah 8 di bawah menunjukkan transrip perbualan yang berlangsung semasa saya menjalankan penyelidikan ini.

Saya: Pada pendapat cikgu, adakah "Set Lompat" ini sesuai digunakan dalam membantu murid menulis dengan lebih baik?
Cikgu: Ya. Pada pendapat saya "Set Lompat" ini sangat membantu.

Transrip perbualan bersama guru pembimbing.

Saya: Adakah kamu selesa menggunakan "Set Lompat"?
Murid: Ya. Selesa
Saya: adakah kamu faham bagaimana menggunakan "Set Lompat" semasa menulis.
Murid: Ya. Saya faham.

Transkrip perbualan bersama peserta kajian

Rajah 8: Transkrip perbualan

Melalui perbualan yang telah dilaksanakan menunjukkan guru pembimbing maynatakan bahawa "Set Lompat" yang digunakan sangat membantu dalam menjarakkan tulisan Ninil dan Hihil.

Rakan praktikum juga menyatakan bahawa "Set Lompat" ini amat bersesuaian digunakan untuk menjarakkan tulisan murid. Tambahnya lagi, "Set Lompat" tidak memerlukan sebarang modal untuk perlaksanaannya.

Peserta kajian saya juga menyukai kaedah yang digunakan untuk menjarakkan tulisan mereka. Ninil menyatakan bahawa amat mudah untuk menggunakan "Set Lompat" dalam penulisannya. Hihil juga menyatakan bahawa penggunaan pensel lebih mremudahkannya dalam menjarakkan tulisannya berbanding penggunaan jari. Keadaan ini adalah kerana HiHil merupakan seorang yang kidal.

REFLEKSI

Refleksi Dapatan

Dapatan kajian yang saya perolehi dalam kajian ini saya mendapati bahawa penggunaan "Set Lompat" telah berjaya. Melalui penggunaan "Set Lompat" murid dapat menghasilkan tulisan yang mempunyai jarak.

Rajah 9 di bawah menunjukkan Hihil menggunakan "set lompat" dalam membantunya menjarakkan tulisan.



Rajah 9: murid menggunakan pensel untuk menjarakkan tulisan

Pemerhatian berstruktur telah saya jalankan untuk melihat perkembangan tulisan peserta kajian saya. Setiap latihan menulis yang dibuat akan dicatat perkembangannya di dalam catatan lapangan. Rajah 10 di bawah menunjukkan hasil pemerhatian yang telah saya jalankan terhadap lembaran kerja Hihil dan Ninil pada minggu terakhir perlaksanaan kajian saya.



Rajah 10: Hasil pemerkatian terhadap penulisan peserta kajian

Perlaksanaan kajian ini juga telah memberi peluang kepada saya selaku penyelidik untuk membuat refleksi keberkesanan kaedah “ Set Lompat” dalam menjarakkan tulisan murid. Berdasarkan penyelidikan yang telah dijalankan, saya telah berjaya meningkatkan keyakinan diri saya untuk membina keperibadian guru yang unggul pada masa hadapan. Penyelidikan ini juga memberi ruang kepada saya untuk menjalinkan hubungan yang baik dengan warga sekolah. Keprihatinan saya terhadap murid juga dapat ditingkatkan. Saya dapat menanam dalam diri sifat bertanggungjawab terhadap tugas mendidik demi memastikan kejayaan dapat dinikmati oleh semuanya murid saya pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Abdillah bin Nurdin Asis. (2009). Meningkatkan Kemahiran Membaca Ayat-Ayat yang Mengandungi Perkataan Gabungan Tiga Suku Kata Terbuka KV+KV+KV. *Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPGM KBL Tahun 2009*, 72-78.
- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-murid Sekolah Rendah Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1-11.

- Akhiar Pardi, Shamsina Shamsuddin. (2011). Pengantar Penyelidikan Tindakan Dalam Penyelidikan Tindakan. Puchong, Selangor : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Amdun Husain. (2005). *Kamus Pelajar Terbitan Khas KBSM*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2001). *Garis Panduan Kursus Penyelidikan Tindakan MaktabPerguruan*. Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1992). *Siri Panduan KBSR Asas Kemahiran Berbahasa KBSR*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hilary Awan. (2005). Bacalah Sayang.*Koleksi Laporan Penyelidikan Tindakan tahun 2005*. 71-82.
- Kamarudin Husin. (1988). *Pedagogi Bahasa*. Kuala Lumpur: Longman.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1999). *Buku Panduan Guru, Bahasa Malaysia Tahun 4*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mamat anak Chunggat. (2005). Bacalah Cici.*Koleksi Laporan Penyelidikan Tindakan 2005*. 15-22.
- Mohammad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Tindakan*. Johor Darul Ta'zim : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia Skudai.
- Tay Meng Guat. (2005). Kebolehan Bahan Bacaan.*Jurnal Penyelidikan MPBL, Jilid 6*, 2005. 23-34.
- Tungku Anak Lapik. (2010). Kefasihan Dalam Membaca dan Menulis Murid Tahun Empat Melalui Kaedah Latih Tubi dan Oral-Aural Semasa Membatang Suku Kata. *Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah)*, 238-249.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Tahun 4 Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian PendidikanMalaysia.
- Yahya Othman. (2004). *Mengajar Membaca: Teori dan Aplikasi*. Bentong, Pahang:PTSPublications& Distributors Sdn. Bhd.